

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS  
[ JERANTUT ]**

**TARIKH : 12 NOVEMBER 2019 (SELASA)**

**SOALAN NO. 14**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah usaha yang dilakukan Kementerian bagi membantu Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) mencari sumber kewangan dan peruntukan sendiri agar tidak terlalu bergantung kepada dana dari Kerajaan kerana akhirnya pelajar yang akan menanggung beban kerana pihak IPTA terpaksa menaikkan yuran kursus.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, universiti awam (UA) merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan yang dibiayai oleh kerajaan melalui penyaluran geran. Namun begitu, pembiayaan ini tidaklah secara menyeluruh di mana UA masih perlu menjana pendapatan secara dalaman bagi menampung keperluan kos operasi di UA masing-masing. KPM selaku kementerian pengawal, sentiasa menggalakkan UA menjana pendapatan sendiri melalui langkah-langkah seperti berikut:

- Menggiatkan lagi usaha menambah pendapatan dalaman dengan mempelbagaikan sumber pendapatan sedia ada seperti pelaburan, perniagaan, geran penyelidikan, serta memperkuatkkan tabung wakaf dan *endowmen*.

- Mengoptimumkan kepakaran sedia ada daripada sumber manusia masing-masing dan aset bagi menjana pendapatan dalaman UA;
- Mengukuhkan lagi kedudukan anak syarikat di bawah UA supaya sumber pendapatan daripada anak syarikat dapat membantu UA dalam membiayai sebahagian perbelanjaannya;
- Mengoptimumkan kos dalam pendidikan tinggi melalui perbelanjaan secara berhemah dan cekap tanpa mengurangkan atau menjejaskan penyampaian kualiti pendidikan tinggi kepada masyarakat. Selain itu, UA turut melaksanakan pengurusan fasiliti yang cekap dan efisien melalui penggunaan utiliti (elektrik dan air), dan meningkatkan produktiviti dan keberkesanan kos pendidikan tinggi di mana UA perlu mengeluarkan lebih *outcome* menggunakan sumber sedia ada atau sumber yang terhad.
- KPM juga menetapkan sasaran penjanaan kepada UA dan KPI tersebut dipantau terus oleh YB Menteri Pendidikan

Selain itu, Kementerian masih meneruskan pemberian geran penyelidikan (Fundamental Grant Research Scheme) kepada Universiti Awam (UA) yang dilihat mampu melahirkan lebih ramai pemegang Ph.D warganegara Malaysia secara bersasar yang berkualiti dan dapat memenuhi ekspektasi Graduate on Time (GoT) daripada pemberian tajaan Biasiswa secara langsung. Ini kerana, melalui aktiviti penyelidikan, pelajar Ph.D akan diselia dengan ketat oleh pihak UA di samping melibatkan diri dalam penghasilan penemuan-penemuan baru daripada aktiviti penyelidikan di UA untuk manfaat negara. Dana skim ini untuk tahun 2018 adalah sejumlah RM200 juta manakala untuk tahun 2019 pula ditambahkan sebanyak RM75.35 juta menjadikannya RM275.35 juta.

Sekian, terima kasih.